



UPM-Sheffield Jalin Kerjasama Ijazah PhD



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah bertukar dokumen perjanjian (MoA) dengan Prof. Geoff R. Tomlinson.

SERDANG, 3 April – UPM dan The University of Sheffield (Sheffield) akan menjalankan kerjasama akademik dengan memperkenalkan program ijazah doktor falsafah (PhD) secara bersama yang dikenali Jointly Awarded Research Degree (JARD) di sini hari ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berharap tenaga penyelidik daripada UPM dan Sheffield akan meningkatkan aktiviti yang lebih serius terutamanya memorandum perjanjian (MoA) pada masa akan datang.

"UPM sepenuhnya sedar Sheffield telah diketahui mempunyai satu hubungan kuat dengan syarikat dihormati di dunia iaitu Rolls Royce, Boeing dan British Aerospace.

"Bulan lepas Sheffield telah menerima dua pelawat profesor daripada UPM dan tugas mereka ialah meneroka bidang penyelidikan Sheffield untuk dipadankan dengan kepakaran di UPM," katanya.

Dr. Nik Mustapha berkata UPM telah membuat keputusan untuk memulakan kerjasama awal dalam bidang aeroangkasa, nanoteknologi, bioteknologi, perubatan, sains tumbuhan dan sains haiwan.

Beliau berkata UPM telah memutuskan menghantar kumpulan pertama pelajar ijazah pertama untuk menyelesaikan pengajian Aerospace mereka di Sheffield.

"Kita telah diberitahu yang Rolls Royce telah memperuntukkan dua tempat untuk pelajar Malaysia bagi mengikut latihan amali mereka di kilangnya untuk satu tempoh iaitu sepuluh minggu atau setahun.

"Ini akan menyediakan peluang untuk pelajar ini mendapat pendedahan dalam kejuruteraan yang benar-benar mencabar," katanya.

Sementara itu Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UPM, Dr. Mohd Roshdi Hassan berkata kerjasama tersebut akan menggalakkan penyelidikan antarabangsa dan usaha sama jaringan penyelidikan antara staf akademik dari kedua-dua universiti.

"Ia akan mendedahkan penyelidik UPM yang juga bertindak sebagai penyelia pelajar kepada teknologi terkini melalui penglibatan dengan jalinan industri Sheffield dengan syarikat terkemuka seperti Rolls Royce dan Boeing.

"Kerjasama ini juga memberi peluang pensyarah UPM menghasilkan penerbitan yang lebih berimpak tinggi melalui penyelidikan PhD," katanya.

Roshdi berkata perbezaan utama program JARD dan program berkembar sedia ada adalah penganugerahan PhD dilakukan secara bersama dengan siji PhD tersebut akan mempunyai logo UPM dan Sheffield.

Bagi menyokong program JARD, katanya satu skim Visiting Professors telah disediakan melalui memorandum perjanjian (MoA) itu bagi menggalakkan perhubungan akademik dua hala.

Buat masa ini UPM dan Sheffield bersetuju untuk menerima calon PhD mengikut pelaksanaan MoA berkenaan iaitu setiap calon perlu memiliki ijazah master.

Dr. Roshdi berkata lawatan penyelia dari setiap pihak akan dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pengajian dan calon perlu mendaftar dalam program master of philosophy (Mphil) dinaiktaraf ke PhD.

"Calon program JARD sepenuh masa boleh menamatkan pengajian minimum tiga tahun dan maksimum empat tahun dengan syarat tempoh pengajian di salah sebuah universiti (UPM atau Sheffield) perlulah sekurang-kurangnya 12 bulan.

"Yuran pengajian akan dikenakan bagi tempoh tiga tahun dan kadar yuran dibayar mengikut kadar universiti tempat pelajar mendaftar bagi semester berkenaan. Satu kadar yang minimum akan dikenakan bagi tahun keempat," katanya.

Beliau berkata kerjasama antara UPM dan Sheffield akan memberikan banyak manfaat iaitu pengurangan kos penghantaran pelajar dan membuka lebih banyak peluang kepada pensyarah UPM untuk mengadakan jalinan kerjasama dengan universiti ternama pada peringkat antarabangsa.

Manfaat lain katanya ialah membantu mengukuhkan lagi kehadiran UPM di peringkat antarabangsa dan menggalakkan kehadiran pelajar luar negara yang akan melanjutkan pengajian di sini.

MoA itu ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Naib Canselor Sheffield, Prof. Keith Burnett dengan disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor UPM (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Pro Vice Chancellor Sheffield (Research and Innovation), Prof. Geoff R. Tomlinson.

UPM dan Sheffield telah menjalinkan hubungan yang erat dalam melatih kakitangan UPM sejak hampir sedekad yang lalu.

Pada tahun lalu, satu memorandum persefahaman (MoU) mengenai aktiviti pertukaran pelajar, penyelidik dan staf telah ditandatangani oleh UPM dengan Sheffield yang menduduki tangga ke 76 THES 2008.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.